

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR]

TARIKH : 16 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah pembiayaan perumahan yang telah diluluskan oleh setiap institusi-institusi kewangan masing-masing yang terlibat dalam Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) dan nyatakan bank apa yang membiayai peminjam yang paling ramai.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) dilancarkan pada tahun 2008 sehingga 30 September 2020, sejumlah 8,805 akaun peminjam dengan jumlah pembiayaan perumahan sebanyak RM742,461,786.40 telah diluluskan oleh institusi-institusi kewangan yang mengambil bahagian. Keseluruhan pembiayaan perumahan ini dijamin oleh SJKP.

Bank Simpanan Nasional (BSN) merupakan pembiaya terbesar melibatkan 6,042 peminjam dengan jumlah pembiayaan diluluskan adalah sebanyak RM478,494,418.90 atau bersamaan 64.45 peratus. Perincian jumlah pembiayaan perumahan yang telah diluluskan oleh institusi-institusi kewangan yang mengambil bahagian dan dijamin oleh SJKP adalah seperti berikut:

NO SOALAN : 31

Institusi Kewangan	Jumlah Akaun Diluluskan	Jumlah Pembiayaan Diluluskan (RM)	Peratus
Bank Simpanan Nasional	6,042	478,494,418.90	64.45
Bank Muamalat Malaysia Berhad	757	135,170,040.97	18.21
Bank Islam Malaysia Berhad	1,159	59,132,219.96	7.96
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	281	46,408,805.14	6.25
Agrobank Berhad	151	6,618,687.36	0.89
Alliance Islamic Bank Berhad	156	5,874,786.30	0.79
Hong Leong Bank Berhad	60	2,876,667.00	0.39
Alliance Bank Berhad	76	2,840,511.77	0.38
Malayan Banking Berhad	62	2,295,066.00	0.31
Hong Leong Islamic Bank Berhad	42	1,681,283.00	0.23
Affin Bank Berhad	14	878,442.00	0.12
Maybank Islamic Bank Berhad	5	190,858.00	0.03
Jumlah	8,805	742,461,786.40	100.00